

Aplikasi bantu perluaskan pasaran perniagaan

REVOLUSI teknologi menyaksikan pelbagai perkara boleh diselesaikan di hujung jari.

Berbanding sedekad lalu, revolusi dalam bidang teknologi ini juga menyaksikan banyak portal dan aplikasi yang memudahkan urusan pengguna dan industri dibangunkan.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Azmawani Abd. Rahman berkata, bidang



AZMAWANI

perniagaan sedang melalui perkembangan selari dengan industri 4.0.

Menurutnya, perkembangan industri 4.0 merujuk kepada sesuatu yang berteraskan sistem siber dan fizikal untuk membantu sesuatu perniagaan itu meluaskan pasarannya.

“Maka, tidak hairanlah kini, banyak aplikasi yang dibangunkan oleh sesuatu perniagaan bagi memudahkan mereka berhubung secara langsung dengan pengguna.

“Aplikasi ini dilihat bukan

sahaja sebagai penghubung antara pelanggan dan penjual, tetapi sebagai landasan untuk mengekalkan kesetiaan pelanggan kerana aplikasi ini mampu menawarkan nilai tambah dalam hubungan pelanggan dan peniaga.

“Melalui aplikasi, sesuatu promosi boleh dilakukan secara langsung melalui pesanan yang dihantar ke dalam telefon pintar pengguna,” jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Tambahnya, kini di setiap industri terdapat aplikasi-aplikasi yang dibangunkan bagi memudahkan urusan harian

pengguna.

Sementara itu, Azmawani menjelaskan, banyak syarikat kecil yang berminat untuk membangunkan aplikasi untuk perniagaan mereka.

“Berdasarkan maklum balas yang saya terima, pemilik syarikat ini mula meminta dan mencari pelajar yang boleh membantu mereka membangunkan aplikasi yang berkaitan dengan pelanggan.

“Ini menunjukkan mereka sedar akan kepentingan penggunaan teknologi dalam usaha memperluaskan pasaran,” ujarnya.